

# Pengambilan tanah rakyat tidak ikut peraturan Amaran keras PM

Oleh YAHAYA AHMAD  
dan AZIZAN HASHIM

**A**LUR SETAR 19 Jan. — Kerajaan Pusat tidak merestui keputusan mana-mana kerajaan negeri melaksanakan sesuatu projek pembangunan jika tidak mengikut peraturan terutama mengenai pengambilan tanah rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Kalau kerajaan negeri buat ikut peraturan, kita sokong tetapi kalau tak ikut peraturan, kita tak akan sokong,” tegas beliau.

Bercakap kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada pegawai-pegawai kerajaan negeri di Wisma Darul Aman, di sini tengah hari ini, Dr. Mahathir berkata, baru-baru ini ada satu kes pengambilan tanah oleh sebuah kerajaan negeri yang kemudian menjual tanah itu kepada pihak ketiga dengan harga yang lebih tinggi.

“Ini tak kenalah,” kata Perdana

Menteri ringkas ketika ditanya oleh para pemberita mengenai pendirian Kerajaan Pusat dalam soal pengambilan tanah atas nama melaksanakan pembangunan.

Mengenai pengambilan tanah oleh sebuah kerajaan negeri yang kemudiannya menjualnya kepada pihak ketiga baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat sudahpun mengarahkan kerajaan negeri terbabit menyerah balik tanah tersebut.

“Kita (Kerajaan Pusat) bukan selalu sokong kerajaan negeri kalau apa yang dibuat tidak ikut peraturan dan kita bagi nasihat jangan buat,” katanya lagi.

Mengenai kes di Kerpan, Perdana Menteri menolak dakwaan penduduk Kerpan bahawa mereka tidak diberi penerangan lengkap mengenai projek bersepadu ternakan udang harimau berharga RM60 juta oleh kerajaan negeri.

■ Lihat muka 2

## Amaran keras PM

Sebaliknya, beliau berkata, penduduk terbabit telah mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar dan diberi penerangan secukupnya mengenai projek usahasama kerajaan negeri dengan Kumpulan Binladin dari Arab Saudi.

Perdana Menteri juga turut menyatakan rasa kesal mengenai sikap penduduk menghalang projek yang boleh memberi faedah kepada ramai orang.

“Kita mempunyai mahkamah, kita mempunyai cara-cara untuk menyelesaikan pertikaian, jadi kalau kita cuba guna kekerasan orang lain pula akan guna kekerasan terhadap kita, ini rugilah,” kata Perdana Menteri lagi.

“Saya ingat kalau dia (penduduk Kerpan) hendak tahu dia (penduduk) tulislah surat, bagi isi kandungan yang dia rasa tak puas hati,” kata Perdana Menteri mengenai

hasrat penduduk untuk menemui beliau bagi menerangkan rasa tidak puas hati mereka.

Terdahulu ketika berucap pada majlis pengisytiharan varieti padi baru Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Kepala Batas, Dr. Mahathir berkata, rakyat sepatutnya menilai niat baik kerajaan untuk memajukan kehidupan mereka.

“Kerajaan tak ada niat buruk langsung terhadap

mereka, selain sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan taraf pendapatan terutama golongan petani,” tambahnya.

Beliau menegaskan, pemimpin kerajaan kadang-kadang sehingga tak ada masa lapang kerana sentiasa sibuk memikirkan cara sebaik mungkin memajukan kehidupan rakyat.

“Kita bukanlah kerajaan goyang kaki...tetapi sentiasa memikirkan cara nak tolong rakyat,” ujarnya.